

P.U. (A) 270.**AKTA MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA 1980****PERINTAH MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (PINDAAN JADUAL
PERTAMA) 1999**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 8 dan 22 Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980[Akta 225], Menteri, setelah berunding dengan Majlis, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan Jadual Pertama) 1999.**

(2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 6 Januari 1999.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 dipinda dengan memasukkan selepas butiran 1 butiran yang berikut:

“2. Malaysian University English Test.”.

Tugas untuk mengelolakan peperiksaan

3. Majlis Peperiksaan Malaysia hendaklah bertanggungjawab untuk mengelolakan peperiksaan “Malaysian University English Test” mulai tahun 1999.

Dibuat 9 Jun 1999.

[MPM(S)/D1.1 Bhg. 2/(43); PN(PU²)362]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Menteri Pendidikan

MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL ACT 1980**MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE)
ORDER 1999**

IN exercise of the powers conferred by sections 8 and 22 of the Malaysian Examinations Council Act 1980[Act 225], the Minister, after consultation with the Council, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Malaysian Examinations Council (Amendment of First Schedule) Order 1999.**

(2) This Order shall be deemed to have come into operation on 6 January 1999.

Amendment of First Schedule

2. The First Schedule of the Malaysian Examinations Council Act 1980 is amended by inserting after item 1 the following item:

“2. Malaysian University English Test.”.

Duty to conduct examination

3. The Malaysian Examinations Council shall be responsible for the conduct of the examination of the Malaysian University English Test with effect from the year 1999.

Made 9 June 1999.

[MPM(S)/D1.1 Bhg. 2/(43); PN(PU²)362]

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Minister of Education

P.U. (A) 271.

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECCUALIAN) (No. 11) 1999

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949[Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengeccualian) (No. 11) 1999.**

Pengeccualian

2. Surat cara pindah hakmilik tanah yang dipegang di bawah hakmilik No. H.S.(D) 7191, P.T. 1988, Mukim Taboh Naning, Alor Gajah, Melaka yang disempurnakan pada 4 Disember 1998 antara Majlis Amanah Rakyat (Pembeli) dengan Kausar Corporation Sdn. Bhd. (Penjual) adalah dikeccualikan daripada duti setem.

Dibuat 8 Jun 1999.

[Perb. (8.09) 248/39/7-435 (Sk. 1); LHDN. 01/34/42/68-180-1(10/99); PN(PU²)159/XXI]

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Kewangan Kedua

AKTA MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
 SENARAI PINDAAN BAGI AKTA MAJLIS PEPERISAAN MALAYSIA
 [AKTA 225]

Bil	Akta Meminda	Sekyen Yang Meminda	Seksyen Dalam Akta Ibu Yang Dipinda	Pindaan
1	Akta A617	2	2	<p>Pindaan kepada seksyen 2</p> <p>2. Seksyen 2 Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas tafsiran "peperiksaan tertentu", tafsiran yang berikut:</p> <p>· "rekod" termasuk rekod maklumat dalam apa-apa bentuk di atas apa-apa bahan, benda, artikel atau apa sahaja barang pun sama ada kekal atau sementara;.</p>
2	Akta A1019	2	2	<p>Pindaan kepada seksyen 2</p> <p>2. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif "Ketua Pegawai Pelajaran" takrif yang berikut:</p> <p>· "Kumpulanwang" ertinya Kumpulanwang yang ditubuhkan oleh seksyen 17,.</p>
3	Akta A1150	3	2	<p>Pindaan kepada seksyen 2</p> <p>3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda-</p> <p>(a) dengan memotong takrif "Ketua Pegawai Pelajaran";</p> <p>(b) dengan memasukkan sebelum takrif "Kumpulanwang" takrif yang berikut:</p> <p>· "Ketua Eksekutif" ertinya Ketua Eksekutif Majlis yang dilantik di bawah seksyen 14;.</p> <p>(c) dengan memasukkan selepas takrif "Ketua Eksekutif" takrif yang berikut:</p> <p>· "Ketua Pengarah Pendidikan" ertinya Ketua Pengarah Pendidikan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan</p>

				<p>Agong di bawah seksyen 3 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]</p> <p>(d) dengan memasukkan selepas takrif "Menteri" takrif yang berikut:</p> <p>· "Pengarah Pendidikan" ertinya Pengarah Pendidikan yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 4 Akta Pendidikan 1996;</p> <p>"Pengarah Peperiksaan" ertinya Pengarah Peperiksaan yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 4 Akta Pendidikan 1996;.</p> <p>(e) dengan memotong takrif "Pengawal Peperiksaan";</p> <p>(f) dengan memotong takrif "Setiausaha Agung"; dan</p> <p>(g) dengan menggantikan takrif "Universiti" dengan takrif yang berikut.</p> <p>· "Universiti" ertinya-</p> <p>(a) suatu Universiti yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30]; dan</p> <p>(b) suatu Universiti yang ditubuhkan di bawah seksyen 1A Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173].</p>
4	Akta A617	3	4	<p>Pindaan seksyen 4</p> <p>3. Subseksyen (1) seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda-</p> <p>(a) dengan memasukkan perkataan-perkataan "atau nominiannya" selepas perkataan-perkataan "Ketua Setiausaha Kementerian pelajaran" dalam perenggan (b); dan</p> <p>(b) dengan memasukkan perkataan-perkataan "atau nominiannya" selepas perkataan-perkataan "Ketua Pengarah Pelajaran" dalam perenggan (c).</p>

5	Akta A1150	4	4	<p>Pindaan seksyen 4</p> <p>4. Subseksyen 4(1) Akta ibu dipinda-</p> <p>(a) dalam teks bahasa kebangsaan-</p> <p>(i) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran” dengan perkataan “Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan”; dan</p> <p>(ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “Ketua Pengarah Pelajaran” dengan perkataan “Ketua Pengarah Pendidikan”;</p> <p>(b) dalam perenggan (d)-</p> <p>(i) dengan mengaantikan perkataan “Pengawal Peperiksaan” dengan perkataan “Pegawai Peperiksaan”; dan</p> <p>(ii) dengan memotong perkataan “dan” selepas bernoktah;</p> <p>(c) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (e) dengan perkataan “;dan”; dan</p> <p>(d) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:</p> <p>“(f) Ketua Eksekutif.”</p>
6	Akta A1267	2	7	<p>Pindaan seksyen 7</p> <p>2. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 7 dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:</p> <p>“(5) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), (2), (3) dan (4), Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri, mengelolakan apa-apa peperiksaan, selain peperiksaan tertentu, dan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan peperiksaan itu, bagi mana-mana</p>

				<p>orang, badan, organisasi, institusi atau pihak berkuasa di dalam atau di luar Malaysia.</p> <p>(6) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini atau perenggan 69 (4) (b) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], mana-mana orang, badan, organisasi, institusi atau pihak berkuasa di dalam atau di luar Malaysia tidak boleh mengelolakan apa-apa peperiksaan, selain peperiksaan tertentu yang berhubungan dengan perkara akademik, tanpa suatu kelulusan Pengarah Peperiksaan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 69 (1) Akta Pendidikan 1996”.</p>
7	Akta A1150	5	10	<p>Pindaan seksyen 10</p> <p>5. Seksyen 10 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Ketua Pegawai Pelajaran” dengan perkataan “Pegawai Pendidikan”.</p>
8	Akta A617	4	12A	<p>Seksyen baru 12A</p> <p>4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 12, seksyen baru 12A yang berikut:</p> <p>“Kuasa untuk mewakili.</p> <p>12A. (1) Majlis boleh, tertakluk kepada apa-apa sekatan atau syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, secara bertulis mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa-kecil Majlis, atau kepada Setiausaha Agung atau mana-mana pegawai lain yang dilantik di bawah seksyen 12, semua atau mana-mana kuasa dan tugas yang diberi atau dipertanggungkan ke atas Majlis di bawah Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen 31, dan boleh pada bila-bila masa membatalkan perwakilan tersebut.</p> <p>(2) Tiada perwakilan di bawah subseksyen (1) boleh menjejaskan penjalanan mana-mana kuasa atau pelaksanaan tugas oleh Majlis.”</p>
9	Akta A1267	3	12A	<p>Pindaan seksyen 12A</p> <p>3. Seksyen 12A (1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “seksyen 12” dengan perkataan “seksyen 16”</p>

10	Akta A1019	3	16A	<p>Bahagian baru IIIA.</p> <p>3. Akta ini adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian III Bahagian yang berikut:</p> <p style="text-align: center;">“ BAHAGIAN IIIA TATATERTIB</p> <p>Jawatankuasa tatatertib.</p> <p>16A. (1) Majlis hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pegawai dan penjawatnya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua orang itu mengikut Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 16D.</p> <p>(2) Bagi maksud seksyen ini-</p> <p>(a) maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa tatatertib Majlis berkenaan dengan Agung Majlis yang terdiri daripada-</p> <p>(i) seorang yang dilantik oleh Menteri, yang menjadi pengerusi jawatankuasa itu; dan</p> <p>(ii) dua orang ahli Majlis yang hendaklah dilantik oleh Majlis; dan</p> <p>(b) Majlis boleh menubuhkan, melalui pemberitahuan dalam <i> Warta </i>, jawatankuasa tatatertib yang berlainan bagi kategori berlainan pegawai atau penjawat Majlis.</p> <p>(3) Peruntukan yang berikut hendaklah terpakai bagi mana-mana jawatankuasa tatatertib yang ditubuhkan di bawah seksyen-kecil (2) (b)-</p> <p>(a) jawatankuasa tatatertib itu hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan ahli Majlis, selain Pengerusi Majlis, atau pegawai Majlis, atau apa-apa gabungan ahli dan pegawai itu; dan</p> <p>(b) seseorang pegawai yang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa tatatertib tidaklah boleh lebih rendah pangkatnya daripada</p>
----	------------	---	-----	--

				<p>mana-mana pegawai atau penjawat yang ke atasnya jawatankuasa tatatertib yang dianggotainya mempunyai kuasa tatatertib.</p> <p>(4) Jawatankuasa tatatertib yang ditubuhkan di bawah seksyen-kecil (2) (b) hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara yang berhubungan dengan tatatertib pegawai dan penjawat yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.</p> <p>(5) Pada menjalankan fungsi tatatertibnya, sesuatu jawatankuasa tatatertib yang disebut dalam seksyen-kecil (2) hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib atau apa-apa gabungan dua hukuman tatatertib atau lebih sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 16D</p> <p>Rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tatatertib.</p> <p>16B. (1) Suatu keputusan jawatankuasa tatatertib di bawah seksyen 16A (2) (a) boleh dirayukan kepada Menteri.</p> <p>(2) Suatu keputusan mana-mana jawatankuasa tatatertib di bawah seksyen 16A (2) (b) boleh dirayukan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah seksyen 16C.</p> <p>(3) Menteri atau Lembaga Rayuan Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan jawatankuasa tatatertib.</p> <p>(4) Keputusan Menteri atau Lembaga Rayuan Tatatertib di bawah seksyen-kecil (3) adalah muktamad.</p> <p>Penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib</p> <p>16C. (1) Maka hendaklah ada Lembaga Rayuan Tatatertib Majlis yang terdiri daripada anggota yang berikut:</p>
--	--	--	--	--

				<p>(a) Pengerusi Majlis, yang hendaklah menjadi pengerusi Lembaga Rayuan Tata tertib dan mempunyai undi pemutus; dan</p> <p>(b) Tiga orang ahli Majlis, yang bukan anggota jawatankuasa tata tertib yang keputusannya ialah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Lembaga Rayuan Tata tertib dengan Majlis bagi maksud rayuan itu.</p> <p>(2) Apabila Lembaga Rayuan Tata tertib menubuhkan sesuatu rayuan yang dibuat di bawah seksyen 16B, seseorang anggota jawatankuasa tata tertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang juga ahli Majlis tidak boleh hadir atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan rayuan itu.</p> <p>Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tata tertib.</p> <p>16D. (1) Majlis, dengan kelulusan Menteri, boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan bagi tata tertib pegawai dan penjawatnya.</p> <p>(2) Peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat di bawah seksyen ini-</p> <p>(a) boleh mewujudkan kesalahan tata tertib;</p> <p>(b) boleh mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Majlis, dan hukuman itu boleh meliputi-</p> <p>(i) amaran;</p> <p>(ii) denda;</p> <p>(iii) pelucuthakan emolumen;</p> <p>(iv) penangguhan pergerakan gaji;</p> <p>(v) pengurangan gaji;</p> <p>(vi) penurunan pangkat, dan</p> <p>(vii) buang kerja;</p> <p>(c) hendaklah memberi orang yang terhadapnya prosiding tata tertib itu diambil peluang</p>
--	--	--	--	--

				<p>untuk membuat representasi terhadap pertuduhan tata tertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh jawatankuasa tata tertib kecuali dalam mana-mana hal yang berikut:</p> <p>(i) jika seseorang pegawai atau penjawat Majlis dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan salah laku yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terdahapnya;</p> <p>(ii) jika Majlis, atas syor Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal-ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau</p> <p>(iii) jika telah-</p> <p>(A) dibuat terhadap seseorang pegawai atau penjawat Majlis apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, atau</p> <p>(B) dikenakan terhadap seseorang pegawai atau penjawat Majlis apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya, di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis;</p>
--	--	--	--	---

				<p>(d) boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolument seseorang pegawai atau penjawat Majlis sementara menanti selesainya prosiding jenayah atau prosiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan membuang kerja atau menurunkan pangkatnya; dan</p> <p>(e) boleh mengadakan peruntukan bagi penggantungan tanpa emolument seseorang pegawai atau penjawat Majlis-</p> <p>(i) jika pegawai atau penjawat itu telah disabitkan oleh suatu mahkamah jenayah; atau</p> <p>(ii) jika suatu perintah tahanan atau sekatan telah dibuat berkenaan dengan atau dikenakan terhadap pegawai atau penjawat itu.</p> <p>Pengenaan surcaj.</p> <p>16E. (1) Seseorang yang sedang atau pernah bekerja dengan Majlis boleh disurcaj jika ternyata kepada Majlis bahawa orang itu-</p> <p>(a) tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Majlis yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;</p> <p>(b) adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang dari Majlis yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;</p> <p>(c) adalah atau pernah bertanggungjawab, secara langsung atau tak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang simpanan atau harta lain Majlis;</p> <p>(d) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau</p>
--	--	--	--	--

				<p>(e) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada Majlis kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Majlis.</p> <p>(2) Majlis hendaklah, sebelum seseorang disurcaj, menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcaj.</p> <p>(3) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian notis dalm seksyen-kecil (2), Majlis boleh-</p> <p>(a) dalam hal seksyen-kecil (1) (a), (1) (b) dan (1) (c), mensurcaj terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau apa-apa bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau kekurangan dalam atau pemusnahan harta yang dilakukan; dan</p> <p>(b) dalam hal seksyen-kecil (1) (d) dan (1) (e), mensurcaj terhadap orang itu apa-apa jumlah wang sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.</p> <p>(4) Majlis hendaklah memberitahu orang yang disurcaj berkenaan dengan apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen-kecil (3).</p> <p>(5) Walau apa pun seksyen-kecil (3) dan (4), Majlis boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Majlis hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcaj itu tentang penarikan balik itu.</p>
--	--	--	--	--

				<p>(6) Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen-kecil (3) dan tidak ditarik balik di bawah seksyen-kecil (5) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Majlis daripada orang yang disurcaj itu dan boleh didakwa dan didaptnkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Majlis dan boleh juga, jika diarahkan sedemikian oleh Majlis didapatkan melalui potongan-</p> <p>(a) daripada gaji orang yang disurcaj; atau</p> <p>(b) daripada pencen orang yang disurcaj,</p> <p>dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu per empat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.</p> <p>(7) Bagi maksud seksyen-kecil (1) (d), "pegawai perakaunan" termasuklah tiap-tiap pegawai dan penjawat yang dipertanggungkan dengan-</p> <p>(a) kewajipan untuk memungut, menerima, atau mengakaunkan, atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaunkan, apa-apa wang dalam Kumpulanwang;</p> <p>(b) kewajipan untuk membuat bayaran, atau yang sebenarnya membuat bayaran, daripada apa-apa wang dalam Kumpulanwang; atau</p> <p>(c) penerimaan, penyimpanan atau pelupusan, atau pengakaunan, apa-apa barang simpanan atau harta Majlis, atau yang sebenarnya menerima, memegang, melupuskan atau mengakaunkan barang simpanan atau harta itu.</p> <p>Majlis boleh menerima pakai peraturan.dsb.</p> <p>16F. Dalam membuat mana-mana peraturan di bawah Bahagian ini, Majlis, dengan kelulusan Menteri, boleh menerimapakai dengan apa-apa ubahsuaian yang difikirkannya patut, mana-mana peraturan, kaedah, dasar, surat pekeliling dan arahan yang diperbuat atau</p>
--	--	--	--	--

				dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.”.
11	Akta A617	5	26	<p>Pindaan seksyen 26</p> <p>5. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 26 dengan seksyen 26 yang berikut:</p> <p>“Merahsiakan markah, skrip jawapan dan data statistik.</p> <p>26. (1) Tiada seorangpun adalah berhak terhadap penzahiran markah yang didapati atau skrip jawapan yang dihasilkan oleh mana-mana calon dalam sesuatu peperiksaan tertentu, dan tiada satupun mahkamah boleh memaksa Majlis atau mana-mana ahli, pegawai atau pengkhidmatnya membuat apa-apa penzahiran seumpama itu kepada mana-mana orang.</p> <p>(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) boleh menghalang Majlis dari menyiarkan data statistic, menurut budi bicaranya, jika penyiaran itu mungkin pada pendapatnya dilakukan bagi kepentingan pelajaran di Malaysia:</p> <p>Dengan syarat bahawa apa-apa data statistik yang disiarkan menurut subseksyen ini tidaklah boleh mengandungi maklumat yang mungkin dengan apajua cara membawa kepada pengenalan mana-mana calon.”</p>
12	Akta A1267	4	26	<p>Pindaan seksyen 26</p> <p>4. Subseksyen 26 (1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “peperiksaan tertentu” dengan perkataan “peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis”.</p>
13	Akta A617	6	28	<p>Pindaan seksyen 28</p> <p>6.Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda-</p> <p>(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “draf atau salinan” dan perkataan-perkataan “draf atau salnannya” dalam subseksyen (1) masing-masingnya dengan perkataan-perkataan “draf, salinan atau rekod” dan perkataan-perkataan “draf, salinan atau rekodnya”;</p>

				<p>(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "draf atau salinannya" dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "draf, salinan atau rekodnya"; dan</p> <p>(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2), subseksyen baru (3) yang berikut:</p> <p>"(3) Mana-mana orang yang, sebelum atau semasa berlangsungnya peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkaitan dengan sesuatu kertas soalan atau arahan sulit bagi sesuatu peperiksaan tertentu didapati memiliki, menjaga atau mengawal kertas soalan atau arahan-arahan atau sebahagian darinya atau mana-mana draf, salinan atau rekodnya tanpa diberi kuasa dengan sah untuk berbuat demikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya."</p>
14	Akta A1267	5	28	<p>Pindaan seksyen 28</p> <p>5. Seksyen 28 Akta ibu dipinda-</p> <p>(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "peperiksaan tertentu" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis"; dan</p> <p>(b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "peperiksaan tertentu" dengan perkataan "peperiksaan yang dikelolakan oleh Majlis".</p>
15	Akta A1267	6	30	<p>Pindaan seksyen 30</p> <p>6. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 30.</p>
16	Akta A1267	7	31	<p>Pindaan seksyen 31</p> <p>7. Perenggan 31 (d) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "peperiksaan-peperiksaan tertentu" dengan perkataan "mana-mana peperiksaan</p>

				yang dikelolakan oleh Majlis".
17	P.U (A) 270/1999	2	Jadual Pertama	<p>Pindaan Jadual Pertama.</p> <p>2. Jadual Pertama Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 dipinda dengan memasukkan selepas butiran 1 butiran yang berikut:</p> <p>"2. Malaysia University English Test."</p>
18	Akta A617	7	Jadual Kedua	<p>Pindaan Jadual Kedua.</p> <p>7. Jadual Kedua kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "sembilan" dalam subperenggan (2) perenggan 4 dengan perkataan "tujuh".</p>